



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
13 APRIL 2017 (KHAMIS)

AKHBAR

MUKA SURAT

Harian Metro

- | | |
|--|----|
| - Alih-alih atas tembok | 12 |
| - 'Saya tak larat lagi bersihkan rumah' | 12 |
| - Reaksi | 34 |
| - SUKE ambil langkah cegah banjir di Taman Bukit Teratai | 12 |

Sinar Harian

- | | |
|--------------------------------------|----|
| - Bencana banjir lumpur berulang | 39 |
| - Prolintas pandang berat isu banjir | 39 |

KOSMO

- | | |
|---|----|
| - ERT Prolintas bantu mangsa banjir Taman Bukit Teratai | 17 |
|---|----|

Berita Harian

- | | |
|---|-------|
| - 'Tambah baik takungan setiap 5 tahun' | 12-13 |
|---|-------|

Malay Mail

- | | |
|--|----|
| - Worst flood in 20 years, say Hulu Kelang residents | 04 |
|--|----|

New Strait Times

- | | |
|------------------------------------|----|
| - SWIFT RESPONSE BY PROLINTAS TEAM | 23 |
|------------------------------------|----|

The Star

- | | |
|---|----|
| - Speeding vehicles put people at risk on Jalan Mawar | 07 |
| - Houses flooded for second time | 04 |

Sin Chew Daily

- | | |
|------------------------------|----|
| - PROLINTAS bantu pemindahan | 02 |
|------------------------------|----|

Chinapress

- | | |
|---------------------------------|----|
| - Prolintas bantu mangsa banjir | C2 |
| - | |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
13 APRIL 2017 (KHAMIS)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Alih-alih atas tembok
Muka Surat	12

BANJIR LUMPUR

Alih-alih atas tembok

HM 13/4/17
MS 12

Amirul Aiman Hamsuddin
am@hmetro.com.my

Ampang Jaya

“Saya terkejut apabila arus deras banjir menghanyutkan basikal hingga ke atas tembok rumah. Saya hanya menyedarinya selepas banjir surut,” kata Mustapha Mohd Zain, 46, berhubung kejadian banjir kilat yang berlaku di Hulu Klang di sini, petang kelmarin.

Dia yang menetap di Kampung Lembah Keramat AU4 di sini sejak 20 tahun lalu, mendakwa bernasib baik kerana basikalnya itu tidak dihanyutkan terus ke sungai.

“Banjir itu suatu ujian Allah SWT dan saya bersyukur kerana tiada kerosakan teruk walaupun terpaksa mengerah kudrat untuk membersihkan kediaman,” katanya.

Tinjauan wartawan Harian Metro mendapati kesan banjir masih jelas kelihatan di kawasan berkenaan termasuk sepanjang jalan yang dipenuhi sisa sampah-sarap.

Sementara itu seorang lagi mangsa yang juga penjawat awam, Mohd Hamdan Mohd Noor berkata, kejadian banjir sebelum ini hanya naik setinggi paras lutut.

“Namun musibah kali ini menyaksikan banjir naik hingga ke paras dada. Saya terpaksa menunggu banjir surut sebelum membersihkan kawasan rumah,” katanya ketika ditemui.

Sementara itu seorang lagi penduduk, Zainuddin Seman, 62, berkata kesan banjir kilat menyebabkan jalan di hadapan rumahnya rosak teruk.

“Sisa batu berlonggok di setiap sudut jalan dan terdapat lopak baru akibat arus deras,” katanya.

Dia bimbang jalan berkenaan berbahaya kepada setiap pengguna yang melaluinya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 13 APRIL 2017 (KHAMIS)	
Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	'Saya tak larat lagi bersihkan rumah'
Muka Surat	12

PENDUDUK, Mohd Zuhilmi Izzat menunjukkan paras air yang naik ketika banjir kilat semalam.

HA 13/4/17
M/S 12

'Saya tak larat lagi bersihkan rumah'

Ampang Jaya: "Ini kejadian banjir kilat kali kedua berlaku dan saya tidak larat membersihkan lagi seluruh kediaman yang diselaputi lumpur tebal," ujar penduduk Taman Bukit Teratai di sini, yang hanya mahu dikenali sebagai Foong, 53.

Menurutnya, kejadian terbaru petang kelmarin menyebabkan perabot dan perkakas di rumahnya ditenggelami banjir sedalam kira-kira 0.3 meter.

"Kejadian kelmarin adalah paling teruk hingga menyebabkan banyak perkakas elektrik termasuk peti sejuk dan mesin basuh rosak akibat banjir berkenaan.

"Banjir naik secara mendadak sehingga kami tidak sempat untuk menyelamatkan barangan terutama perkakas elektrik," katanya ketika di-

temui Harian Metro.

Sementara itu seorang lagi penduduk Sam Chong, 43, berkata, kejadian ini adalah kali kedua berlaku di kawasan itu sejak pembinaan lebuh raya bertingkat dijalankan di kawasan berhampiran.

"Apa pun kami berterima kasih kerana pihak Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (PROLIN-TAS) yang turut bersama-sama membantu membersihkan rumah kami.

"Kami berharap akan ada tindakan diambil bagi memastikan bencana ini tidak akan berulang pada masa akan datang," katanya.

Kelmarin, 14 keluarga di Jalan Teratai 1/2, Taman Bukit Teratai, Ampang di sini, terjejas akibat dilanda banjir lumpur.

FAKTA
 Perabot dan perkakas ditenggelami banjir sedalam 0.3 meter



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
13 APRIL 2017 (KHAMIS)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Reaksi
Muka Surat	34

MOHON MPAJ menurap semula sepanjang jalan utama di Taman Kosas. Keadaan jalan rosak teruk, berlubang dan berlekuk menyebabkan pemanduan tidak lancar. Keadaan jalan bertambah buruk dengan kenderaan berat melalui jalan berkenaan untuk memperbaiki sistem pembetulan di sekitar Taman Kosas, Bukit Indah, Taman Rasmi Jaya dan Kampung Melayu Ampang.

»IZURIN, AMPANG

HM
13/4/17
MS 34
(Reaksi)



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
13 APRIL 2017 (KHAMIS)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	SUKE ambil langkah cegah banjir di Taman Bukit Teratai
Muka Surat	12

Kuala Lumpur: Pihak Projek Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE) akan melaksanakan beberapa langkah pencegahan banjir di Taman Bukit Teratai, Ampang di sini, bagi mengelak kejadian banjir kilat kelmarin berulang.

Langkah yang lebih komprehensif itu diambil susulan perbincangan pelbagai pihak dalam mesyuarat diadakan

SUKE ambil langkah cegah banjir di Taman Bukit Teratai

Am 13/4/17
MJS 12.

di Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) semalam.

Antara langkah-langkah yang akan diambil oleh Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (PROLINTAS) bagi mengelakkan kejadian banjir berulang adalah mendalamkan semula kolam-kolam takungan, menambahkan

'Gabion Wall' serta mengkaji semula kapasiti kolam takungan air sedia ada, yang perlu dilaksanakan sebelum 17 April ini.

Pada kenyataan dikeluarkan semalam, PROLINTAS mengatakan akan mengkaji semula reka bentuk saliran dan mitigasi jangka masa

panjang yang perlu disiapkan sebelum 15 April ini.

"Mitigasi jangka pendek membabitkan pemasangan guni pasir, membersihkan mengemaskini tapak serta memantapkan pasukan 'Emergency Rescue Team' (ERT).

"Tugas ini akan dipantau

dan diperiksa oleh pelbagai pihak berkuasa seperti Jawatankuasa Bencana Kerajaan Negeri Selangor, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pejabat Tadbir Daerah Hulu Langat dan Lembaga Lebuhraya Malay-

sia (LLM)," katanya.

PROLINTAS juga mengemukakan bantuan serta membantu dalam proses penilaian kerugian yang ditanggung penduduk akibat dari banjir kilat itu dan meneruskan usahanya membantu penduduk, termasuk membersihkan kawasan taman dan rumah.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
13 APRIL 2017 (KHAMIS)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Bencana banjir lumpur berulang
Muka Surat	39

SINAR HARIAN • KHAMIS 13 APRIL 2017
HUBUNGI SKUAD AMPANG / HULU LANGAT: ISMAIL (ISMAIL-019 3371003)

AMPANG . HULU LANGAT 39

SH 13/4/17 M/S 39

Bencana banjir lumpur berulang

Penduduk alami kerugian berganda dipercayai akibat kegagalan cerun, keselamatan

AMPANG – Kebimbangan penduduk di Taman Bukit Teratai, di sini berhubung kejadian banjir berulang akhirnya menjadi kenyataan apabila bencana itu benar-benar berlaku lagi, kelmarin.

Penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Foong, 53, berkata, kejadian banjir lumpur yang melanda kawasan perumahan itu berlaku sekali lagi hingga menyebabkan penduduk mengalami kerugian.

"Kejadian pertama berlaku semasa saya bersama keluarga berada di rumah pada hujung minggu tapi kali ini saya berseorang di rumah dan saya sendiri rasa takut tengok air yang mengalir terlalu deras ibarat sungai.

"Kali ini juga kami mengalami kerugian teruk sebab pelbagai perabot, kabinet, peti sejuk dan mesin basuh rosak kena air lumpur," katanya.

Foong berkata, terdapat kakitangan Projek Lintas Kota Holdings Sdn Bhd (Prolintas) membantu membersihkan lumpur yang terdapat di kawasan perumahan berkenaan ketika kejadian.

"Kami khuatir kejadian yang tidak diingini dan lebih besar berlaku apabila hujan lebat, kami serik kerana sudah dua kali kami berhadapan kejadian sebegini," katanya.

Kejadian hujan lebat berlaku kira-kira jam 4 petang, setengah jam kemudian air mulai melimpah dan membanjiri kawasan perumahan tersebut.

Hujan lebat selama 40 minit itu dipercayai telah memecahkan empangan 'batu gabion' di kolam tadahan hujan di dalam kawasan projek pembangunan Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Hulu Kelang (SUIKE).

Sementara itu, Adun Teratai, Tiew Way Keng berkata, pihaknya menggesa Prolintas dan Jabatan Kerja Raya (JKR) mengkaji dan mengambil langkah segera supaya kejadian sama tidak berulang.

"Saya masih menunggu laporan berhubung bencana ini dan saya kesal kerana kejadian ini tidak sepatutnya berulang," katanya.

Menurut, Ahli Majlis Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Mohamad Samat, kerugian berganda dialami penduduk akibat kejadian itu juga dipercayai berpunca atas beberapa faktor termasuk kegagalan cerun dan keselamatan.

"Semua pihak hanya memfokuskan masalah banjir, sebenarnya ada tiga isu yang dibangkitkan oleh penduduk iaitu banjir, kegagalan cerun dan keselamatan," katanya.

"Saya gesa semua pihak ini bersikap profesional kerana saya dapati kerja-kerja pencegahan banjir seperti melepaskan batuk di tangga serta terdapat sikap sambil lewa dalam menangani hal ini," katanya.

Menurutnya, pihak berkenaan perlu juga memandang serius berhubung cerun setinggi 15 hingga 20 kaki di belakang kawasan rumah penduduk.

"Keadaan atas cerun berkenaan telah lapang untuk pembangunan SUKE, pihak terbabit perlu segera melakukan kerja pengukuhan cerun berhampiran dengan kawasan perumahan," katanya.

Mohamad berkata, mengenai isu keselamatan yang dibangkitkan oleh penduduk pula adalah mengenai longkang besar yang dibina oleh pihak pemaju.

"Longkang besar dan dalam ini tidak tertutup, kita khuatir kanak-kanak yang bermain di luar kawasan rumah terjatuh ke dalam longkang tersebut dan penduduk juga mahu pengawal lalulintas ditambah kerana banyak lori melalui jalan ini ke kawasan tapak projek," katanya.



Pemilik rumah cuba menyelamatkan barangan ketika banjir kilat.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
13 APRIL 2017 (KHAMIS)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Prolintas pandang berat isu banjir
Muka Surat	39

Prolintas pandang berat isu banjir



Kakitangan Prolintas giat membersihkan kawasan perumahan yang dilanda banjir lumpur.

AMPANG - Seramai 15 ahli pasukan Emergency Rescue Team (ERT) Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (Prolintas) turun ke lokasi kejadian banjir di Jalan Teratai ½ Taman Bukit Teratai, bagi menilai dan mengatasi punca kejadian banjir.

Pemangku Pengurus Besar SUKE, Faizal Othman berkata, pihaknya turut membantu penduduk di kawasan itu termasuk melakukan kerja-kerja pemindahan barangan ke kawasan yang lebih selamat.

"Sebanyak 14 buah rumah terjejas, bagaimanapun hanya dua rumah dimasuki air, manakala selebihnya air memasuki ruang parkir di rumah masing-masing.

"Pasukan ERT juga memastikan keselamatan penduduk khususnya yang berkaitan dengan elektrik, membersihkan rumah mereka yang terjejas serta menghulurkan bantuan kepada setiap rumah," katanya.

Menurutnya, selain sebuah keluarga telah dipindahkan ke hotel berhampiran Prolintas turut menyediakan makan malam bagi pen-

duduk yang terjejas.

"Peralatan berat seperti jentolak juga digunakan untuk kerja-kerja pembersihan dan kita juga telah menempatkan kakitangan ERT di pondok yang diwujudkan di kawasan perumahan untuk meninjau keadaan dari masa ke semasa," katanya.

Katanya, Prolintas mengenal pasti punca kejadian adalah hujan lebat yang luar biasa dan ia juga telah mengakibatkan kebanyakan kawasan di Kuala Lumpur mengalami banjir.

"Kami memandang berat akan kejadian ini dan akan bekerjasama dengan kontraktor untuk langkah selanjutnya untuk mengatasi masalah ini," katanya.

Menurutnya, pihaknya akan memperbaiki dan menguatkan 'gabion wall' bagi menghadapi hujan lebat.

"Kita telah memohon pihak perunding untuk menyemak semula saliran air di kawasan ini bagi melihat penambahbaikan yang perlu dilakukan segera," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
13 APRIL 2017 (KHAMIS)

Akhbar	KOSMO
Tajuk Berita	ERT Prolintas bantu mangsa banjir Taman Bukit Teratai
Muka Surat	17

ERT Prolintas bantu mangsa banjir Taman Bukit Teratai

Kosmo
13/4/17
ms 17

KUALA LUMPUR - Ekoran kejadian banjir kilat yang melanda penduduk Taman Bukit Teratai, Cheras kelmarin, pihak Projek Lintasan Kota Holdings Sdn. Bhd. (Prolintas) hadir memberi bantuan segera.

Pengurus Besar, Divisyen Komunikasi Korporat, Mohd. Ramali Abu Bakar berkata, seramai 15 ahli Emergency Rescue Team (ERT), Prolintas terlebih dulu pergi ke lokasi kejadian bagi menilai dan mencari punca banjir itu berlaku.

"Pasukan ERT Prolintas membantu mangsa dengan memindahkan barangan penduduk yang terlibat ke kawasan lebih selamat.

"Mereka juga memastikan penggunaan elektrik berada pada tahap selamat termasuk membersihkan rumah yang dimasuki air," katanya dalam



PASUKAN ERT Prolintas membantu mangsa banjir di Taman Bukit Teratai, Cheras yang terjejas teruk akibat banjir semalam.

satu kenyataan semalam.

Mohd. Ramali menambah, sebuah keluarga turut

dipindahkan ke sebuah hotel berdekatan selepas kediamannya yang terjejas teruk.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 13 APRIL 2017 (KHAMIS)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	'Tambah baik takungan setiap 5 tahun'
Muka Surat	12-13

Ms.12

Khamis, 13 April 2017 BH

→ HALAMAN KOTA

MASALAH BANJIR KILAT DI IBU NEGARA

Reaksi



Raja Ridwan, Pengguna Jalan raya

Kerajaan perlu memperbaiki sistem saliran di laluan kerap dinaiki air seperti Ampang dan MRR2, di samping pembangunan yang tidak dikawal menyebabkan air hujan tidak dapat mengalir dan mencetuskan banjir kilat



Kuldeep Singh Eshaan, Warga Singapura

Di tempat saya, masalah banjir diatasi dengan sistem perparitan yang dilaksanakan di bawah tanah dan mungkin Malaysia boleh mencontohi kaedah ini, selain pihak berkuasa bertindak pantas terhadap aduan berhubung masalah ini



Haithar Zulkiflee, Pelajar Universiti Awam

Pihak berkuasa perlu bertindak tegas dan bertindak awal mengatasi masalah banjir kilat di bandar raya kerana apabila keadaan sudah teruk ia akan membabitkan kos yang tinggi selain akan mengambil masa yang panjang untuk mengatasinya

'Tambah baik takungan setiap 5 tahun'

● Tempat tadahan tak mampu tampung taburan hujan lebat

Oleh Nazura Ngah, Nadia Hamid, Fahmy Azril Rosli, Mohd Farkhan Abdul Ghapar, Liyana Tarmizi dan Aliff Ashraf Fadzilah
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kerajaan digesa menambah baik kemudahan penstrukturan takungan air di seluruh negara, lima tahun sekali bagi mengelak kejadian banjir kilat, khususnya di ibu kota.

Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S Pampakan, berkata kajian mendapati kebanyakan kos banjir kilat berlaku disebabkan masalah reka bentuk takungan air yang tidak mampu menampung peningkatan taburan hujan.

Katanya, selain itu, sekiranya lokasi kejadian memiliki takungan baharu, ia mungkin disebabkan masalah penyelenggaraan seperti mendapati atau sampah bertakung.

Faktor lain adalah peningkatan polutan taburan hujan dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

"Projek takungan air dan tebatan banjir tidak pernah gagal kerana reka bentuknya dibina untuk mengatasi masalah banjir ketika itu, bagaimanapun apabila berlaku faktor tambahan seperti aliran hujan, ia gagal beroperasi dengan baik."

"Banyak pihak mendesak kerajaan menyediakan takungan air dan tebatan banjir baharu, tetapi langkah ini memerlukan kos yang agak besar, sebaliknya ia boleh diselesaikan dengan menambah baik prasarana itu seperti membaiki saluran airnya," katanya.

Beliau mengulas kejadian banjir berulang di beberapa lokasi sekitar Lembah Klang, selepas hujan lebat lebih sejam, petang kelmarin.

Antara kawasan yang dinaiki air ialah di Jalan Sentul berhampiran sebuah stesen minyak, Batu Muda Tambahan, Persiaran Ampang Hilir, Jalan Pudu, Jalan Tun Razak, Jalan Pahang, Jalan Kuching dan Jalan Sultan Ismail, di sini.

Pembangunan tak seiring

Sikap PBT yang terlalu mengajir pembangunan tidak seiring dengan proses naik taraf sistem perparitan membuatkan masalah banjir kian menjadi-jadi terutama di bandar.

Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA), Puan Seri Shariffa Sabrina Syed Akil,

berkata sudah tiba masanya PBT mengambil tindakan drastik memastikan projek pembangunan di kawasan berkepadatan tinggi tidak memberi kesan kepada alam sekitar dan akhirnya memberi kesan buruk kepada rakyat.

Katanya, pembangunan di Kuala Lumpur perlu dikurangkan dan PBT sepatutnya 'bermuhasabah' mencari penyelesaian drastik terhadap masalah banjir di ibu kota.

Naik taraf sistem saliran

"Mungkin DBKL patut naik taraf sistem pengaliran bawah tanah. Sejak tahun lalu PEKA sudah sukar cadangan ini. Walaupun membabitkan kos tinggi, ia antara kaedah berkesan mengelakkan masalah banjir daripada terus berlaku," katanya.

Penyelidik Lapangan Sahabat Alam Malaysia (SAM), Meor Razak Meor Abdul Rahman, berkata hutan dan bukit yang menjadi kawasan tadahan hujan semakin berkurangan di Kuala Lumpur.

Katanya, apabila kawasan berkenaan semakin 'pupus', tiada kawasan tebatan air yang akhirnya berlaku banjir.

"Amalan penggunaan tanah yang tidak terkawal antara punca utama banjir. Banyak tanah ditukar status untuk pembangunan. Ini menyebabkan kawasan berkenaan menjadi padat. Kaji semula pembangunan di kawasan bandar supaya seimbang," katanya.

Dalam perkembangan sama, Ketua Khuster, Sumber Asli dan Alam Sekitar Majlis Profesor Negara, Prof

Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo, berkata sampah kecil seperti plastik dan lidi sate dikesan antara punca utama parit dan longkang di Lembah Klang khususnya di pusat bandar tersumbat.

Ia sekali gus menyumbang kejadian banjir kilat dan sikap endah tak endah menjaga kebersihan khususnya di kawasan perumahan meningkatkan risiko berlakunya banjir kilat, katanya.

Katanya, kebanyakan punca banjir kilat adalah parit dan longkang tersumbat disebabkan pembuangan sampah yang tidak terkawal.

"Banjir kilat adalah fenomena setempat. Jika hujan di kawasan khusus atau setempat dan sistem saliran tidak dapat menampung kuantiti air, banjir kilat akan berlaku."

Penguatkuasaan, pemeriksaan, pemantauan dan pembaikan secara berkala boleh mengurangkan kekejangan kejadian banjir kilat," katanya.

Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan, berkata penguatkuasaan terhadap masalah pembuangan sampah penting dalam mengatasi masalah banjir kilat di Lembah Klang kerana ia adalah punca longkang tersumbat.

Di pasar malam contohnya, penguat kuasa perlu ditempatkan bagi memastikan peniaga dan pengunjung tidak membuang sampah merata-rata yang akhirnya akan masuk ke dalam longkang dan seterusnya menyebabkan longkang menjadi tersumbat.




Orang ramai membantu menokok berikutan air naik dengan mendadak

ADUAN PEMBACA

Pembaca yang ingin mengemukakan pandangan atau masalah boleh e-mel ke bhnews@bh.com.my

TAKUNGAN BANJIR DI SEKITAR KUALA LUMPUR



46 keluarga terpaksa tinggalkan kediaman

Hulu Klang: Hujan lebat berterusan kira-kira 3 jam kelmarin, menyebabkan penduduk di kawasan sekitar Batu 7 1/2 di sini, terpaksa meninggalkan rumah selepas Sungai Serapi mula melimpah sehingga menyebabkan banjir.

Sebanyak 46 keluarga yang tinggal di kawasan tebing sungai berkenaan, terpaksa bertindak demikian bagi mengelak sebarang risiko yang mungkin mengancam nyawa.

Seorang penduduk, Ahmad Imran Samsi, 38, berkata kejadian banjir kelmarin adalah yang terburuk pernah dialaminya sejak mendiami kawasan itu lebih 30 tahun.

Banjir paling buruk

"Ini banjir yang paling teruk pernah saya alami. Saya hanya mampu menyelamatkan diri, ahli keluarga dan dokumen penting. Kami bergegas keluar dari rumah akibat air naik begitu cepat," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Seorang lagi penduduk, Arni Ibrahim, 53, berkata kejadian kelmarin adalah di luar jangkannya yang sentiasa bersedia menghadapi banjir kilat.

"Biar pun sudah bersedia menghadapi banjir, apa yang berlaku semalam (kelmarin) adalah di luar jangkakan."

"Dalam masa kurang sepuluh minit, air memenuhi rumah saya," katanya.

Air paras pinggang

Penduduk, Mohd Zulhilmu Izzat, 22, berkata banjir memenuhi rumahnya hingga paras pinggang.

"Sewaktu kejadian saya sedang tidur dan dikejutkan keluarga apabila air mula memasuki rumah."

"Air naik begitu cepat. Kelengkapan persekolahan adik saya habis rosak ditenggelami air," katanya.

Sementara itu, Penghulu Mukim Hulu Klang, Zaimi Ghazali, mendakwa bentuk muka bumi yang rendah antara punca kawasan berkenaan dinaiki air.

"Hujan lebat berterusan mengakibatkan tebing sungai terbabit tidak dapat menampung air lalu melimpah keluar dan menenggelamkan rumah berhampiran."

"Kawasan berkenaan adalah dari kawasan yang rendah selain disumbang oleh kerja naik taraf sungai berkenaan," katanya ketika ditemui.

Katanya, antara kawasan yang terjejas termasuklah perumahan sekitar Balai Penghulu, Batu 7 1/2, Kuala Ampang, Kampung Pasir dan Kampung Fajar.

[FOTO BERNAMA]



Kenderaan yang tersangkut ketika melalui jalan Kampung Pandan selepas hujan berterusan dari 3.30 petang hingga 5.30 petang, kelmarin.



Banjir Kilat di Batu 7 1/2 bersebelahan Sekolah Kebangsaan Hulu Klang, kelmarin.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
13 APRIL 2017 (KHAMIS)

Akhbar	Malay Mail
Tajuk Berita	Worst flood in 20 years, say Hulu Kelang residents
Muka Surat	04

Worst flood in 20 years, say Hulu Kelang residents



Teachers and parents of Tadika Kemas in Hulu Kelang clear the aftermath of dirty water from Tuesday's flash floods, where waters rose waist-high.
— Picture by Firdaus Latif

By May Robertson
mayrobertson@mmail.com.my

KUALA LUMPUR — A major cleaning spree took place in Hulu Klang following floods in the area on Tuesday.

Those living near the Middle Ring Road 2 said this was the worst ever flooding in the area in 20 years.

Lorong Penghulu residents in Hulu Kelang were forced to clear out of their homes and throw away damaged items yesterday after flash floods inundated the area around 3.30pm.

Personal driver Saibul Ismail, 47, said the floods were one of the worst he had seen in 20 years.

"It was impossible to save everything in my home and I lost some important documents," he said.

"We could not get out of the house, the best we could do was find a dry spot to

wait for the rain to stop."

Among items damaged by the floods were his mattress, carpets and stove.

In Hulu Kelang's Tadika Kemas, teachers had a scare when they were forced to evacuate eight students aged four to six to the nearby SK Hulu Kelang.

At around 4pm, Janaria Ashari, 36, realised water in the kindergarten had risen to her knees.

"I was worried students might drown. After we abandoned the kindergarten, water continued to rise," she said.

"When we went back to the premise to collect several items, water had risen up to our waists."

Yesterday, around 10 teachers and parents gathered at the kindergarten to clean the premise. Teachers were seen drying out wet teaching material outside the kindergarten.

"The kindergarten was filthy and many educational posters were damaged," said

the kindergarten's chairman Razi Ayop.

"It took us at least five hours to get all of the water out and dry the place."

"This is the first time we have experienced a flood so bad, previously water would only rise to our ankles," he said.

Another resident of Hulu Kelang, Zainuddin, believes the water level rose in the area due to construction projects along the river banks.

"Construction in the area could be causing the rise in flood waters, as they are tampering with the flow of water," said Zainuddin who lives across the Klang river.

"We never had problems like this until a few years ago, it has gotten so bad the wall I built to keep water out of my home has been broken down by the current."

The operator of Ampang Yong Tau Foo restaurant, beside the Klang river near Gurdwara Sahib Ampang, also said the floods have been affecting its business

since the beginning of the year.

"It has been frustrating, every time it rains our toilet gets completely submerged in dirty water," said Elaine Siow.

"It takes half an hour to clean the toilet each time it is flooded, this is time consuming."

"We have to be extremely cautious with the way we dispose plastic bags and rubbish flowing from the river into our restaurant as it is unhygienic," said the 30-year-old.

Ampang Jaya Municipal Council mobilised some 30 workers from its landscape, youth, community and enforcement departments for cleaning up works.

A spokesman from the council said the clean-up lasted from 7pm-11pm the same night.

The council's cleaning initiatives were carried out at SK Hulu Kelang, Taman Teratai, Astana Court and Kampung Pasir.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
13 APRIL 2017 (KHAMIS)

Akhbar	New Strait Times
Tajuk Berita	SWIFT RESPONSE BY PROLINTAS TEAM
Muka Surat	23



The Prolintas team helping to clean up the flood-struck Taman Bukit Teratai houses two days ago.
PIC FROM PROLINTAS

FLASH FLOODS

**SWIFT RESPONSE BY
PROLINTAS TEAM**

KUALA LUMPUR: An emergency team from Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (Prolintas) brought relief to flash flood victims at Taman Bukit Teratai here.

Flash floods struck the residential area after a heavy downpour in the afternoon on Monday, prompting residents to call the Prolintas helpline, a people-centric service launched recently to engage and foster ties with the public.

A spokesman for Prolintas, the developer of the Sungai Besi-Ulu Kelang Elevated Expressway (Suke), said a 15-member team was dispatched to the area to assist the flood victims.

"The emergency team

helped transfer items belonging to affected residents and clean their homes as well," he said. "Affected residents were also provided with dinner after the clean-up," he said.

The public can contact the Prolintas hotline at 1-300-88-9922, email at feedback.suke@prolintas.com.my or visit www.mysuke.com.my.

NSP 13/4/17
Ms 23



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 13 APRIL 2017 (KHAMIS)

Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Speeding vehicles put people at risk on Jalan Mawar
Muka Surat	07

Speeding vehicles put people at risk on Jalan Mawar

By **WONG PEK MEI**
 pekmei@thestar.com.my

RESIDENTS and shopowners in Taman Seraya, Ampang want the Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) to build speed breakers on Jalan Mawar to slow vehicles down.

They claimed that the number of accidents were increasing as vehicles sped on the four-lane road.

To make matters worse, a secondary school – SMK Taman Raya – is located nearby.

Shankar Maniam, a manager of a restaurant adjacent to Jalan Mawar, said he witnessed an accident involving a motorcyclist and lorry on Jalan Mawar two weeks ago.

"The motorcyclist was going too fast, tried to avoid a car that was turning into Jalan Bunga Melati 9 and ended up underneath a lorry on the other lane.

"The motorcyclist was badly injured in the accident," he said.

The 41-year-old added that many students of the school used the road to get across to the shops.

"I hope MPAJ will act quickly and take measures to ensure vehicles slow down when using Jalan Mawar," Shankar said, adding that more signs should be put up to inform motorists of the pedestrian crossing on that road as there was only one sign now.

Taman Seraya resident Lew Wai Chin, 45,



Jalan Mawar is a busy road, making it necessary for MPAJ to build a pedestrian bridge there.

who owns a restaurant on the same row, said accidents had been occurring on that road for the past two to three months.

"Vehicles are moving too fast," said Lew, adding that a pedestrian bridge was needed.

A hairstylist, who works in one of the shops on the same row, Sak Kah Soon, 24, said more accidents occurred at night.

"Cars coming out from Jalan Bunga Melati 9 to Jalan Mawar always encounter difficulty as vehicles are moving too fast. At least one

accident occurs here every month," he said.

Teratai Gerakan public complaints bureau chief Ben Liew said he would write to MPAJ on the matter.

"We propose raised yellow lines be drawn on the road to slow cars down," he said.

Liew added that there were about 1,000 students at the secondary school. There were also two kindergartens in the housing area.

He urged MPAJ to conduct a study on ways to reduce accidents in the area.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
13 APRIL 2017 (KHAMIS)

Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Houses flooded for second time
Muka Surat	04

4 News

STARMETRO, THURSDAY 13 APRIL 2017



(Top) A downpour caused the retention pond at the SUKE worksite to give way. (Right) SUKE workers cleaning out the culverts after the mud flood.



Houses flooded for second time

13/4/17 MJS 04.

Overcapacity at retention pond causes mud and debris to flow into 14 homes in Ampang

Story and photos by
SHALINI RAVINDRAN
shaliniravindran@thestar.com.my

RESIDENTS in Taman Bukit Teratai, Ampang had barely recovered from a mud flood in March when it happened again on Tuesday.

Floodwater and debris flowed into 14 houses when a downpour caused the retention pond at the Sungai Besi-Ulu Kelang Elevated Expressway (Suke) worksite to give way.

One of those badly affected was Foong Thai Thai, 53.

"At around 4pm, I heard a loud sound like a rushing river, and was shocked to see mud and debris entering my house."

"Most of my furniture and electrical appliances were damaged," she said, adding the water rose to almost 0.6m.

On March 19, 17 homes were inundated when the retention pond gave way.

A stop-work order was issued pending remedial work and is still in effect.

A resident who only wanted to be known as Govindarajoo, 59, said his home narrowly escaped being flooded this time as he placed metal sheets behind after the first incident.

When met at the site yesterday, SUKE general manager Faizal Othman said part of the retention pond gave way due to overcapacity.

He said the company immediately fixed and strengthened the gabion wall around the retention pond.

"We have also asked the consultants to review the drainage at the worksite. They will determine if other measures should be taken including the need to increase the pond capacity," he said, adding that the current capacity of the pond was 20m x 70m with a depth of 3m.

"We currently have one silt trap, with another under construction,"

he added.

A 15-member Prolintas Emergency Rescue Team (ERT) was dispatched to the scene on Tuesday, he said.

The crew and residents managed to clean the houses by 9pm the same day.

"One of the families was put up in a nearby hotel while the rest were provided with food," Faizal said.

He added that the rescue team would be stationed at Taman Bukit Teratai and several other sensitive locations of the worksite.

Teratai assemblyman Tiew Way Keng urged SUKE and its parent company, Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (Prolintas), to take more stringent safety measures to prevent future incidents.

Ampang Jaya Municipal councillor Mohammad Samat said the relevant parties should be more professional in monitoring the construction worksite.



Prolintas' Emergency Rescue Team members cleaning the street in Taman Bukit Teratai, Ampang after water and debris flowed into 14 houses.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 13 APRIL 2017 (KHAMIS)	
Akhbar	Sin Chew Daily
Tajuk Berita	PROLINTAS bantu pemindahan
Muka Surat	02



▲Prolintas大道公司共派出15名紧急应对部队人员提供救援。

蓮花苑閃電水災 SD 13/4/17 MJSOA Prolintas派員疏散災黎

(吉隆坡12日讯) 莲花苑昨日下午发生闪电水灾，泥浆随着雨水淹入住宅区，导致道路交通一度瘫痪。Prolintas大道公司在事发后立刻派出紧急应对部队15名人员到场疏散灾黎。

该公司发表文告指出，新街场—淡江高架大道 (SUKE) 热线接获投诉，指莲花苑的莲花1/2路处于昨午4时20分发生

闪电水灾，该公司立刻派员到场。

此外，紧急应对部队人员也出动神手协助每户灾黎清理家园及确保他们的的安全，而其中一户家庭被迫搬迁至邻近的酒店暂住。

该公司指出，目前已鉴定水灾是基于大雨所致，公司将与相关承包商协商，以采取应对措施。



▲水位退后，紧急应对部队人员协助灾黎善后。



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
13 APRIL 2017 (KHAMIS)

Akhbar	Chinapress
Tajuk Berita	Prolintas bantu mangsa banjir
Muka Surat	C2

大城事

武吉蓮花苑防洪失效

民宅门前变成泄洪河。莲花1/2路一多户

黃泥洗禮再受煎熬

(安邦12日讯) 自从新街场-汶江高架大道 (SUKE) 进入白河山, 武吉蓮花苑 (Taman Bukit Teratai) 莲花1/2路 (Jalan Teratai 1/2) 尾端民宅, 短短1个月内二度遭遇黄泥水灾洗礼, 每当天就饱受精神煎熬。

该处在3月已经历第一次黄泥水灾, 大道公司早前接获投诉后便展开防洪工程, 建设挡土墙和增加沟渠排水量, 并在白河山入口处的池塘附近筑起石笼 (Gabion Wall), 但昨日灾情更严重。

市議會發停工令

巴生谷昨午一场豪雨, 白河山上的黄泥隨著雨水快速冲下山, 水向无注负街大量雨水, 满满的黄泥水迅速流向民宅, 十多户住家门前顿变黄泥河, 水深约1尺。

其中2户住家的客厅和厨房变成“黄泥塘”, 居民花了超过8小时, 清理工作仍在进行中。

大道公司、乌鲁冷岳公共工程局、莲花苑区议员张菲倩、安邦再也市议员莫哈末·云天祥、莲花苑区国阵协调员刘博文今日均前往现场, 了解和跟进居民的投诉。

目前大道公司已接获安邦再也市议会发出停工令, 承包商已将上山的路口围起, 工人也正在清理沟渠的泥沙。

盤門透視

让我们齐齐发起“光盘行动”, 减少舌尖上的浪费吧!

盘中餐, 粒粒皆辛苦, 尤其是米粒, 可说是粮食的精华, 北京一个名为“IN 33”的图案以就在2013年1月16日发起光盘行动的公益活动, 主要倡导反对铺张浪费, 带动大家珍惜粮食和吃光盘子的食物。

现在越来越人无节制的浪费食物, 尤其是我们最常见的是出席宴会时, 每一道菜都会有剩余, 即使业者有要求食客打包, 可是很多人都会因为懒惰、麻烦、难看或丢脸的各种因素做出拒绝。

记得有次出席宴会时, 同桌的老奶奶都会要求将剩余的食物通通打包, 其余的人就开始以不耐烦或嫌弃的眼神去看待她, 甚至认为她很小心, 老奶奶就苦心劝导说“年轻人, 谁知盘中餐, 粒粒皆辛苦, 我们不能浪费资源, 也不要白费了劳动者的汗水!”

是啊, 打包是节能环保的好事, 为何在他人眼里被看成吝啬和小气呢? 既然吃不完盘子上的食物, 就打包回去, 难道直接丢进垃圾桶就是正确的做法吗?

令我最近看不过眼的是, 总是有些人, 尤其是女性的盘子上, 总会剩下一口饭, 然后就声称自己饱了, 这到底是一个习惯还是自己真饱了呢?

要知道一些国家的穷人连一粒饭都吃不到, 可见这种舌尖上的浪费是多么可耻, 就让我们凭着光盘行动, 为自己养成不浪费的良好习惯, 同时也教育孩子从小参与光盘行动, 灌输他们正确的概念, 吃多少就盛多少, 坚决不剩饭菜。

支持光盘不浪费

蓮花苑議員張菲倩指出, 根據氣象局報告, 周二的降雨量確實很高, 但這不應該成為發生水災的藉口, 且反映出大道公司防洪工作不完善。 她認為, 蓮花1/2路的水災警報應設在最緊急的等級, 現在只是普通的雨季, 年尾雨季的降雨量更高, 若現在不擬定完善的防洪工作, 就會來不及应付。 她說, 大道公司周3分別與馬來西亞大道局 (LIM) 和馬六甲大道局 (MAM) 會商, 認為這方面有必要提升, 氣象局預測周3仍是黃色暴雨警報, 防洪工作刻不容緩。 “大道公司說要考察整個情形, 但是往往這個過程都很耗時, 在緊急的時候, 其實可先展開一些應付方案, 比如砍掉後保留樹根, 填固泥土。” 她指出, 大道公司周3分別與馬來西亞大道局 (LIM) 和馬六甲大道局 (MAM) 會商, 認為這方面有必要提升, 氣象局預測周3仍是黃色暴雨警報, 防洪工作刻不容緩。



■山上的黄泥随着雨水顺势而下，冲向莲花1/2路民宅。

市議員：應由三方負責

安邦再也市議員莫哈末耶谷指出，此次水灾事故应由三方负责，包括承包商、马来西亚大道局和Prolintas大道公司。

他说，虽然该处早已做好防洪设施，但工程马虎，如防洪蓄水池仅以砖块搭起而不稳固，加上长久没清理，导致池内积满泥行、排水道也因有木块阻塞无法好好发挥功能等。

他指出，蓄水池内的泥行本应定期进行清理，才不会影响蓄水池的水量承载功能，下雨时可如常操作。

他说，虽然此次事故，承包商将全数承担灾黎的损失，却为居民留下阴影，担心事件重演。

他指出，这次水灾事发地点非常靠近民宅的斜坡，相信在该处进行的土地开发工程导致地底结构受影响，随时发生土崩。

莫哈末补充，由于相关建筑工程离民宅很近，重型交通工具进出会引起安全隐患，加上距离民宅仅10公尺的沟渠未关闭，恐将衍生另一安全隐患。

他促请承包商尽快进行补救工作，避免发生土崩和其他不必要的危险。



■大道公司早前加宽的沟渠，仍无法应付周二的高降雨量。

个月都未竣工，敦促大道构思其他防洪方案，如何将雨水分散。
她对大道公司的应对水灾效

劉博文：兩造應主動申請撥款

劉博文认为，雪州政府和市议会看到莲花1/2路的情况紧急，应主动申请拨款展开防洪工作，而不是只是要求大道公司处理。

他指出，自从上次发生水灾，市议会应有责任监督

作，以及安排天灾小组在现场驻守。
“同时，大道公司理应将居民的安全和权益摆在第一位，在防洪工作和索偿工作完成之前，不可以重新复工。”

他也奉劝居民，在豪雨时，勿到房屋底部庭院，免得真的发生土崩，来不及逃生。

招標加寬水溝

★安邦再也市議員云云祥

周二的豪雨，很多地区都发生水灾，武吉莲花苑下方的丽华镇（Taman Putra）也出

现水灾问题，排水沟明显看到很多黄泥水。

丽华镇现有的排水沟必须加宽才能解决水灾问题，市议会将在2个月能完成招标，但无法预计何时正式动工。



櫃子冰箱泡水 ★冯带娣（居民）

周二下午4时开始下大雨，很快就看到黄泥水涌进客厅和厨房，水深大约1尺，我的柜子、洗衣机和冰箱多浸在水里。
这是第二次发生黄泥水灾，我担心情况会恶化，甚至引发土崩。

報警申報損失

★吳秉明（居民）
水灾的时候，我的妻子和孩子在家，水灾导致洗衣机、冰箱和2个电脑故障，我已经报警申报损失，估计损失至少4000令吉。
我清理8小时都还没清理干净，家里还残留黄泥和黄泥的味道。



■民宅前的神龕残留被黄泥水洗礼的痕迹。



清理工作。大道公司安排紧急应对部队，协助居民进行

Prolintas大道集团代总经理（新街场-淡江高架大道）法依查奥曼指出，周二的雨势太大，早前的防洪措施不足以应付，才会发生黄泥水灾的情况。

他说，接近下午4时30分，黄泥水开始从山上涌下，大道公司即刻安排紧急应对部队（ERT）和承包商来到现场，一起为民宅进行清理工作。

“其中一户情况严重的住户，公司已安排他们到

大道公司派員助民宅清洗

邻近酒店暂住。”
他说，早前筑起的石堤被雨势冲至移位，必须重新筑坝加固和加强，莲花1/2路的沟渠也会清理和加宽。

他认为，当山上的防洪池和石堤皆发挥效用，山上的黄泥水将受控制。

“顾问会重新进行评估，包括水流的方向，估计防洪提升工程会在2周内

完成。”

他说，这里是水灾敏感地区，该公司会安排15人的紧急应对部队驻守在莲花1/2路，在水灾的时候观察水势变化，察觉有紧急情况即刻通知各造。

对于居民面对的损失，他促请居民清点损失物件，然后到警局报案，才能根据程序向保险公司索偿。

工程局：大道公司違例加寬溝渠沒申請

不具名的乌鲁冷岳工程局代表指出，大道公司早前在进行加宽沟渠工作时，并没有提出申请，属于违例动工。

他指出，任何工程必须事前考察，取得批准才能动工，故这次水灾后的提升工作，也必须在得到公共工程局的批准才能进行。

“公共工程局仅对大道公司发出土壤调查（Soil Investigation）准证，任何提升工程没有接获申请，故公共工程局会即场开出生通知信给大道公司。”

询及申请提升沟渠准证的时间，他说，一般上，整个程序耗时约14天，若情况紧急，则会优先处理。

“大道公司必须提交沟渠的图则，各方面进行分析，才会发出准证。”

需擬定更完善計劃

不具名的大道公司工程组代表指出，在技术上，早前防洪工作是能发挥效果，未预计会有突如其来的高降雨量，故还需拟定更完善的防洪工作。

对于公共工程局指沟渠提升工程没有获得批准就动工，他说，当时发生黄泥水灾时，大道公司便与相关单位讨论如何应对。

他坦言，大道公司必须尽快展开防洪工作，而当时大道公司有向安邦再也市议会提出申请。

询及根据标准作业程序（SOP），是否需要向公共工程局提出申请时，他说，公司确实必须向市议会和公共工程局提出申请。

“由于情况紧急，大马路局也同意我们的应对方案，市议会在接获大道公司申请时，理应通知公共工程局。”

他也承诺，大道公司会尽快补办所需的程序和图则给公共工程局。